

BAB II

PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU DAN TUGAS PENGAMANAN

"...The United Nations of the world are capable of the effort to create and maintain a system based on vigilance, consensus, common interest, collective action and international law. Ideally such a system would keep a permanent watch on international peace and security around the world, seek peaceful solutions and mediate disputes, pre-empt or prevent conflict, assure the protection of the weak, and deal authoritatively with aggressors or would-be aggressors..."

Sir Brian Urquhart ⁸

Pengenalan.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang lahir selepas Perang Dunia Kedua merupakan sebuah pertubuhan paling banyak keanggotaannya dan boleh dikatakan lebih baik dari Pertubuhan Liga Bangsa-Bangsa. Ini kerana sejak penubuhannya, perang dunia telah dapat dielakkan. Namun pertelagahan kaum dan konflik masih juga berlaku, akibat dari perebutan kuasa dan usaha untuk memerdekakan negara dari belunggu penjajah, atau akibat fahaman politik yang berbeza dalam negeri-negeri tersebut. Konflik ini mengakibatkan berjuta-juta nyawa terkorban dan cedera sebagai mangsa konflik, perang yang begitu dahsyat dalam sejarah manusia. Keadaan ini bertambah meruncing apabila revolusi persenjataan berlaku tanpa had dan batasan, sama ada pengeluaran senjata untuk

⁸ . B.Urquhart, "The UN: From Peace-keeping to a Collective System", Adelphi Paper 265 , Bressey, IISS, London, Winter 1991/92, hlm. 19.

kepentingan pertahanan, penjajahan ataupun menjadi sumber ekonomi kepada sesebuah negara.

Kesedaran dalam menubuhkan satu badan dunia bagi mengawal tingkah laku dan keadaan dunia ini dapat dilihat apabila perbincangan dan perjanjian dibuat oleh kuasa-kuasa pemenang sebaik sahaja tamatnya Perang Dunia Kedua. Pada 30 Oktober 1943 satu perjanjian yang melibatkan kuasa-kuasa besar seperti Soviet Union, China, Britain dan Amerika Syarikat terlibat dengan 'Deklarasi Moscow' dan diikuti dengan persidangan di Washington D.C, pada 1944 yang dikenali sebagai *Dumbarton Oaks Conventions*⁹ bagi mewujudkan pertubuhan yang boleh mengawal keselamatan dunia. Berdasarkan persetujuan tersebut, maka pada 25 April 1945 bermulalah perbincangan penubuhan pertubuhan antarabangsa yang berakhir dengan perjanjian pada 26 Jun 1945 di San Francisco Amerika Syarikat yang membawa kepada penubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Setelah lebih 61 tahun, PBB telah berjaya pada dasarnya mengawal keamanan dan mengurus keperluan masyarakat dunia. Kini keanggotaan PBB telah meningkat hingga ke 191 ahli. Namun demikian ia tidak bermakna dunia ini telah aman sepenuhnya. Sejak tamatnya Peperangan Dunia Kedua, banyak negara-negara yang telah dijajah inginkan kemerdekaan. Perkembangan ideologi komunisme dan kapitalisme telah menyebabkan dunia dalam sistem bipolar, iaitu berlakunya perang dingin di antara Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet. Dalam situasi ini, dunia sekali lagi dilanda pergolakkan yang

⁹. A. B. Fetherston, *Towards a Theory of United Nations Peacekeeping*, St.Martins Press Inc, New York, 1994, hlm 1.

didalangi oleh kuasa-kuasa besar yang berlarutan, sama ada dalam bentuk perebutan kuasa politik dalaman, 'penjajahan negara lain' mahu pun pergeseran politik di antara negara, yang memaksa PBB melibatkan diri dalam membantu penyelesaian masalah ini.

Dunia juga dihantui oleh perlumbaan senjata di mana negara-negara kuasa besar yang mengeluarkan senjata mengambil kesempatan bagi memasarkan barangan keluaran mereka. Mengikut catatan dianggarkan kira-kira USD 750 bilion¹⁰ dibelanjakan oleh negara-negara pembeli dalam meningkatkan keupayaan masing-masing, malangnya keadaan ini tidak dapat ditangani dengan berkesan oleh PBB pada awalnya. Walau bagaimanapun selepas Krisis Berlin (1961) dan Krisis Peluru Berpandu Cuba (1962), PBB telah berjaya membawa kuasa-kuasa besar ke meja rundingan sama ada dalam hal pengawalan ujian senjata kuasa nuklear, perjanjian angkasa lepas, perjanjian peperangan biologi dan kimia dan isu-isu perlucutan senjata. Dalam keadaan ini Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu begitu sibuk meredakan keadaan ini. Sejak ditubuhkan pada 1945, telah lebih 50 misi pengaman dilaksanakan yang melibatkan lebih satu juta anggota tentera dan polis serta beribu-ribu staf-staf awam. Lebih 1,450 anggota yang terbunuh dalam mengendalikan tugas tersebut.¹¹

Pergolakan yang berlaku di Korea, Congo, Pakistan, Namibia, Kampuchea, Bosnia-Herzegovina, Negara-Negara Teluk di Timur Tengah telah dapat dikawal dari merebak ke negara-negara lain, malah ada di antaranya telah dapat ditangani dengan

¹⁰ . R. N. Wells, "The United Nations At Fifty: A Retrospect Review", *Strategi*, Malaysian Armed Forces Defence College, Kuala Lumpur, September 1996, Vol 4, hlm. 3.

¹¹ . "Peace-Keeping", UN Department of Public Information New York, 1996, hlm 15.

jayanya seperti di Namibia, Kampuchea, Bosnia-Herzegovina dan Croatia. Apabila berlakunya konflik dan peperangan maka akan wujudlah pelarian dan mangsa-mangsa perang. Perkara ini juga telah dapat di uruskan dengan baik dan berkesan oleh badan-badan yang bertanggungjawab dalam PBB itu sendiri. Peperangan juga telah mengakibatkan kemusnahan kepada prasarana yang sedia ada. Bagi memulihkan keadaan tersebut PBB juga telah dapat memberi pertolongan sama ada dari segi bentuk teknikal, kewangan mahu pun bantuan material dalam pembangunan semula keadaan yang telah musnah akibat perang.

Apa yang menarik dengan kewujudan PBB ini, kelihatan banyak negara-negara yang dijajah sebelum ini telah dapat dimerdekakan akibat desakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Dalam tempoh ini, lebih dari seratus buah negara baru yang dimerdekakan. Di atas kewujudan negara-negara baru ini maka dengan tersendirinya juga PBB bertanggungjawab dalam pembangunan manusia dan sosial negara-negara tersebut. Di antara tugas yang telah dilaksanakan oleh agensi badan pertubuhan ini adalah memberi bantuan khidmat, mengurangkan buta huruf, peningkatan tahap pembelajaran dan meningkatkan tahap kesihatan. Adalah dicatatkan sebanyak 80 % belanjawan PBB telah disalurkan dalam hal-hal ini, terutamanya kepada negara-negara yang dilanda masalah bencana alam dan kemiskinan.¹² Oleh demikian ternyata bahawa kewujudan PBB sememangnya diperlukan oleh masyarakat dunia dewasa ini dan tidak hairanlah

¹² . G. Evans, "Struggling UN Most New Appreciate the Art of the Possible", International Herald Time, London, 7/81995, hlm.8

keanggotaannya melibatkan hampir semua negara-negara yang ada di dalam dunia ini sebagaimana kata Dag Hammarskjold bekas Setiausaha Agung PBB yang berkata:¹³

... We need Organization for the negotiating possibilities it open up. We need it as an executive organ. We need it for the constructive additions it offers in international attempts to resolve conflicts of interest. And we need it as a foundation and a framework for arduous and time-consuming attempts to find forms in which an extranational – or perhaps even supranational – influence may be brought to bear in the prevention of future conflicts...

Penugasan Pasukan Pengaman.

Dalam melaksanakan misi pengaman, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tidak membincangkan hal ini dalam deklarasi yang dipersetujui dalam tahun 1945. Pelaksanaan penugas pasukan pengaman ini tidak termasuk dalam mana-mana artikel Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Ia hanya berdasarkan Artikel VI dan VII dalam Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi mengembalikan dan mengwujudkan keamanan di dunia ini, walaupun telah silih berganti Setiausaha Agung pertubuhan tersebut bermula dari Trygve Lie (1946-1952) sehingga ke Kofi Annan. Semasa memegang jawatan Setiausaha Agung PBB, Boutros Boutros-Ghali pernah berkata "Peacekeeping is rightly called the invention of the United Nations".¹⁴ Dalam buku *United Nations Military Observers Handbook*, 'Pengaman' dirujuk kepada kehadiran pasukan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di medan (kebiasaanya melibatkan pasukan tentera dan orang awam) di atas persetujuan puak-puak yang bertelagah, bagi

¹³. D. Hammarskjold, Internet, [http://www.questia.com/SM.qst?act=search &keywords](http://www.questia.com/SM.qst?act=search&keywords). UN. Di kemaskinikan pada 22 May 2005.

¹⁴. B. Boutros Ghali, *Agenda For Peace in United Nations Divided World. The UN's Role in International Relations*, Clarendon, Oxford, 1995, Appendix A perenggan 20.

melaksanakan atau mengawasi persetujuan yang telah dicapai sesama mereka samada sebahagian atau sepenuhnya dalam mengawal konflik (gencatan senjata, pengasingan pasukan dan lain-lain) atau untuk menentukan keselamatan dalam penghantaran bantuan kemanusiaan.¹⁵

Terdapat empat jenis operasi pengaman yang telah dilaksanakan oleh PBB sejak ia di tubuhkan; iaitu *Preventive Diplomacy*, *Peacemaking*, *Peace-Keeping* dan 'Pasukan Pemerhati'. *Preventive Diplomacy* ialah tindakan mencegah pertikaian yang berbangkit di antara dua pihak, mencegah pertikaian yang sedia ada daripada memuncak kepada persengketaan dan membendung persengketaan tersebut dari merebak seperti misi di Congo, Namibia, Somalia, Kampuchea dan lain-lain lagi. *Peacemaking* pula merujuk kepada tindakan mendamaikan pihak-pihak yang bermusuhan secara aman sepertimana yang dijelaskan dalam Bab VI Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Perkara 33-38 – "Penyelesaian Pertikaian Secara Aman"). *Peace-keeping* pula bermaksud mengatur kehadiran pasukan PBB di medan yang telah mendapat restu dari puak-puak yang bertelagah dan lazimnya membabitkan anggota tentera/polis dan staf awam PBB . Pengaman ialah satu kaedah yang meluaskan kemungkinan mencegah persengketaan dan juga mewujudkan perdamaian. seperti di Bosnia-Herzegovina, Konflik Arab/Israel, Timur-Timor (Timor Leste) dan beberapa negara lain lagi. Sementara 'Pasukan Pemerhati' kumpulan pegawai-pegawai tentera/polis/awam yang ditugaskan di medan di antara puak yang bertelagah bagi menentukan persetujuan yang dibuat di meja rundingan

¹⁵ . A. Zanellato, United Nations Military Observers Handbook, United Nations, New York, 1995, hlm.3.

di patuhi.¹⁶ Sebaik sahaja Peperangan Dunia Kedua berakhir, keadaan menjadi aman seketika sehinggalah penugasan pertama PBB yang dikenali sebagai *United Nations Truce Supervision Organization* (UNTSO – Jun 1948) dan diikuti dengan penugasan pasukan ‘pengaman’ pertama iaitu *United Nations Emergency Force I* (UNEF I) di tubuhkan pada tahun 1956.¹⁷

Bagi melaksanakan tugas pengaman ini, pada kebiasaannya penglibatan dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu ‘Pemerhatian/Pengesahan, Pembendungan dan Pengembalian Keamanan’. Peringkat Pemerhatian/Pengesahan ini dilaksanakan setelah mendapat permohonan dari puak yang bertelagah dalam melibatkan pasukan pengaman. Peringkat ini melibatkan pihak pemerhati tentera yang bersenjata atau tidak bersenjata yang ditugaskan mengawasi dan kadangkala menjadi orang tengah dalam gencatan senjata, penggunaan tentera oleh puak bertelagah, menganjurkan perjanjian perdamaian atau kadangkala diperlukan untuk mengesahkan sesuatu pertempuran yang berlaku berlandaskan ‘Undang-Undang Hak Asasi Manusia Antarabangsa’ sebagaimana yang telah dimeterai. Dalam melaksanakan tugas ‘Pembendungan’ ini pula, pasukan pengaman dikehendaki bersikap adil tetapi tidak semestinya menjadi pasukan pengaman tentera yang sentiasa mengikut kemahuan dan kehendak pihak yang bertelagah di medan konflik. Di samping itu, kadangkala pasukan pengaman ditugaskan mengawasi pilihanraya, peralihan kuasa kerajaan yang didirikan serta membantu mengekalkan arahan/undang-undang dan juga pelindung kepada penghantaran bantuan kemanusiaan. Sementara

¹⁶. B. Boutros Ghali, An Agenda for Peace – Preventive Diplomacy, Peacemaking and Peace-Keeping, United Nation, New York, 1992, hlms.11.

¹⁷. A. James, The Politics of Peace-Keeping, Chatto & Windus Publisher, London, 1969, hlm.3.

pengembalian keamanan pula, memerlukan tindakan bersepadu tentera dan polis dan pasukan keselamatan tempatan dalam tugas-tugas penguatkuasaan bagi memulihkan keamanan di kawasan tersebut. Kadangkala tindakan menggunakan kekerasan yang minima diperlukan dalam melaksanakan tugas ini.

Dalam melaksanakan tugas pengaman ini, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sebenarnya tidak mempunyai kuasa mengerahkan mana-mana negara ahli untuk melibatkan diri dalam penugasan pasukan pengaman. Walaupun perbelanjaan pasukan pengaman di medan kancah pergolakan dibiayai oleh pertubuhan ini, namun penugasan tersebut adalah ehsan dan persetujuan mana-mana negara ahli yang ditawarkan untuk melibatkan diri dalam tugas tersebut. Sejak awal penubuhan pertubuhan ini, pasukan pengaman telah ditugaskan di seluruh tempat pergolakan dan peperangan. Seseengah penglibatan telah mencapai kejayaan dengan mengembali keamanan di negara/kawasan yang terlibat seperti di Namibia, Croatia, Slovenia, Kampuchea dan juga beberapa negara lain. Ada pula penglibatan pasukan pengaman menemui jalan buntu dan keadaan terus bergolak hingga ke hari ini seperti di Palestin (Arab/Israel) dan di Kashmir. Masalah paling ketara dalam penyelesaian konflik di kawasan yang bertelagah ini ialah keengganan puak yang bertelagah menerima kehadiran pasukan pengaman dalam membantu mereka bagi mengembali keamanan. Malah adalah menjadi dasar bagi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, bahawa pasukan pengamannya tidak akan digerakkan ke kawasan yang ditimpa kancah konflik tanpa restu dan persetujuan dari puak-puak yang bertelagah.

Kedua menjadi bertambah rumit sekiranya konflik tersebut melibatkan peperangan saudara sebagaimana yang terjadi di Somalia, Congo, Kampuchea dan Bosnia-Herzegovina. Persoalan ini telah dibentangkan oleh Barbara F. Walter dalam artikelnya *'The Critical Barrier To Civil War Settlement'*.¹⁸ Beliau menyatakan betapa sukarnya penyelesaian perang saudara berdasarkan laporan yang di buat oleh badan antarabangsa Institut Teknologi di Massachusetts yang menyatakan bahawa di antara tahun 1940 sehingga 1990, sebanyak 55 % peperangan di antara negara dapat diselesaikan di atas meja rundingan sementara hanya 20 % sahaja peperangan saudara dapat diselesaikan secara tersebut. Beliau mendakwa, jika sesuatu peperangan saudara berlaku, ia amat sukar dipulihkan, walaupun jika kesemua pihak inginkan perdamaian, namun kawasan yang terlibat dengan konflik tersebut bukanlah mudah untuk diamankan dengan segera. Puak-puak yang bertelagah sering sahaja melakukan pelanggaran syarat perdamaian. Dalam kajiannya, beliau mendapati di antara tahun 1940 sehingga 1990, 42 % peperangan saudara (17 daripada 41 peperangan) berjaya diuruskan melalui perbincangan perdamaian secara formal dan selebihnya iaitu 58 % dibuat dengan cara perjanjian gencatan senjata sahaja.

Kerumitan mengendali dan menguruskan perang saudara oleh pasukan pengaman ialah kerana pasukan pengaman yang terlibat dengan tugas pengaman tidak dapat membezakan di antara kumpulan bersenjata dan masyarakat awam yang terlibat dengan konflik tersebut. Pada kebiasaannya, apabila berlakunya peperangan saudara, struktur pentadbiran kerajaan yang dilanda konflik akan menjadi lumpuh. Pihak pasukan

¹⁸ . F.W. Barbara, "The Critical Barrier to Civil War Settlement", International Organization, Massachusetts, United States, Vol 42, No.6, Autumn 1996, hlm.461.

pengaman tidak dapat membezakan mereka yang menjadi ancaman kepada pasukan pengaman, tambahan lagi sekiranya pertelingkahan tersebut, banyak melibatkan puak-puak sepertimana yang berlaku di Somalia dan Kampuchea. Ini menyukarkan pihak pasukan pengaman untuk mengadakan perbincangan perdamaian kerana tiada satu badan untuk menentukan keadilan yang akan dipersetujui dalam perbincangan tersebut dan tiada pula puak yang bertelagah dapat menentukan yang mereka benar-benar dapat mematuhi segala arahan dan perjanjian yang telah di buat. Kebiasaanya mereka terus melanggar syarat perjanjian bagi menjaga kepentingan puak mereka agar tidak dapat segera di monopoli oleh pihak yang lain.

Konflik yang melibatkan bangsa dan agama juga merupakan masalah yang paling rumit untuk diselesaikan, malah terdapat konflik-konflik yang tidak dapat diselesaikan oleh Pasukan Pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sejak ia di gerakkan pada akhir tahun 40an sehingga kesaat ini seperti konflik yang berlaku di Palestin dan Kashmir. Persoalan utama yang menjadi masalah dalam penyelesaian konflik ini, ialah negara yang terlibat dalam konflik tersebut ingin mencapai matlamat masing-masing. Keadaan ini menjadi lebih parah apabila adanya kuasa-kuasa besar yang mendalangi negara-negara yang terlibat sama ada dengan memberi sokongan moral, material mahupun bantuan ketenteraan yang mengakibatkan konflik tersebut berlarutan.

Sama seperti delima Liga Bangsa-Bangsa dalam mengawal ketegangan dan pertelagahan yang berakhir lumpuhnya pertubuhan tersebut, maka delima yang dihadapi oleh pasukan pengaman PBB adalah amat ketara dalam mengawal kegawatan sosial dan

pertelagahan kaum terutama di negara-negara Ketiga. Contohnya semasa pertempuran di antara Pasukan Bersekutu Anglo-French-Israeli dengan Mesir pada tahun 1956. Ia adalah merupakan penugasan pertama Pasukan Pengaman PBB yang dikenali sebagai UNEF I (*United Nations Emergency Force I*) bagi mengawasi gencatan senjata dan seterusnya menguruskan pengunduran pasukan-pasukan yang terlibat dalam pertempuran tersebut.¹⁹

Sejak tugas pengaman dilaksanakan pada tahun 1948 (UNTSO), seramai lebih dari 750,000 tentera, polis dan pihak awam yang terlibat dalam penugasan operasi tersebut. Seramai lebih 1,450 dari mereka telah mati dalam penugasan tersebut, yang mana kos perbelanjaan meningkat dari tahun ke setahun. Pada tahun 1995 jumlah perbelanjaannya sebanyak lebih kurang USD 3.0 billion. Namun bermula pada tahun 1990 kos perbelanjaan meningkat sebanyak USD satu trillion setahun ataupun sebanyak USD dua juta setiap minit. Sementara 13 operasi masih dikekalkan sejak 45 tahun yang lalu dan sebanyak lebih 28 operasi baru di wujudkan yang melibatkan pasukan lebih dari 77 buah negara ahli.²⁰

Sepanjang penugasan pasukan pengaman, terdapat beberapa masalah lain yang wujud selain dari kos yang meningkat dari tahun ke setahun. Ada berpendapat, tindakan yang dilakukan oleh pasukan pengaman terlalu lambat sehinggakan menyebabkan banyak nyawa mangsa perang yang terkorban. Sebelum Boutros Ghali meninggalkan jawatannya sebagai Setiausaha Agung, beliau pernah menyuarakan agar PBB mempunyai

¹⁹ . *op. cit*, 16. B. Boutros Ghali, hlms. 3.

²⁰ . "United Nations", UN Public Information New York, Ogos 1996, hlm.6.

Standing Force sendiri yang dapat di gerakkan ke kawasan bertelagah dengan secepat mungkin. Tetapi ramai yang berpendapat *Standing Force* ini amat rumit untuk diadakan samada oleh masalah pengurusan mahu pun masalah pemerintahannya. Malah ada di antara mereka yang berpendapat bahawa *standing force* ini akan disalah gunakan oleh Majlis Keselamatan. Hingga setakat ini hasrat itu tidak dapat dilaksanakan.

Penugasan pasukan pengaman yang tidak berkesan masih lagi berlaku sehingga ke saat ini, contohnya penugasan di *United Nations Truce Supervision Organization* (UNTSO) yang beroperasi sejak tahun 1948 dan menelan belanja lebih USD 463,667,258. Begitu juga penugasan di *United Nations Military Observer Group in India and Pakistan* (UNMOGIP) yang ditubuhkan sejak Januari 1949 sehingga sekarang yang menelan belanja lebih USD 98,399,102. Begitu juga lain-lain operasi pengaman yang telah lama diwujudkan tetapi tanpa tanda-tanda yang positif akan kejayaannya. Operasi serupa ini adalah satu pembaziran dari segi kewangan dan masa, malah merupakan satu kegagalan PBB.

Selain dari masalah yang dihadapi oleh pasukan pengaman di medan konflik, pasukan pengaman juga menghadapi masalah pembiayaan kos operasi. Pengurangan peruntukkan disebabkan beban hutang lapok ahli yang kian bertambah. Pada awal tahun 1997, PBB telah menanggung hutang yang terbengkalai dari ahli-ahlinya lebih dari USD tiga billion yang mana separuh dari hutang tersebut adalah dari Amerika Syarikat. Peningkatan belanjawan operasi pengaman yang sentiasa meningkat dari setahun ke

setahun, menyebabkan PBB hampir-hampir tidak mampu untuk menguruskan operasi tersebut. Walau bagaimanapun Kofi Annan yang telah mengambil ahli dari Boutros Ghali, sebagai Setiausaha Agung, telah berupaya memujuk Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton, menjelaskan hutang negaranya yang lebih USD satu billion. Hutang tersebut dapat diselesaikan. Begitu juga pemiutang-pemiutang yang terbesar dari negara-negara Kesatuan Soviet (USD 591 juta), Ukraine (USD 237 juta), Jepun (USD 196 juta), Perancis (USD 189 juta), Jerman (USD 135 juta) dan Afrika Selatan (USD 118 juta). Pihak ini masih diberi peluang bersuara dalam Perhimpunan Agung, walaupun telah termaktub dalam Piagam PBB Bab IV Perkara 19 bahawa negara ahli akan hilang kuasa undinya jika gagal menyelesaikan hutang yang tertunggak. Malah ada di antaranya yang masih membayangi dan mempengaruhi tindak laku Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, khasnya Majlis Keselamatan, walaupun menanggung hutang yang tertanggung kepada PBB sekian lama. Pengerusi dan Presiden Bangsa-Bangsa Bersatu Amerika Syarikat, William H. Luers, pernah menyuarakan hal ini dalam artikelnya '*Choosing Engagement – Uniting the U.N with U.S. Interest*': Richard Holbrooke Duta Amerika Syarikat di PBB pernah mengingatkan Kongres Amerika Syarikat untuk menjelaskan hutangnya yang tertunggak kepada PBB.²¹

...The failure to pay all current assessments and some of the arrears raises once again the spectre that the United States will automatically lose its vote in the General Assembly, placing the United States in company with "deadbeats" such as Iraq and "failed states" such as Somalia and Rwanda...


²¹ W. H. Luers, "Peacekeeping Somalia, Choosing Engagement – Uniting the U.N with U.S Interests", Internet, <http://artsci-cwin.concordia.ca/329nm/pdf-word-excel/lecture11/US-UN-Foreign-Affairs-2000.htm>, Foreign Affairs September-October 2000, hlm.2.

Pasukan Pengaman Malaysia.

Penglibatan pasukan pengamannya Malaysia pula, berlangsung setelah dikaji dengan mendalam keperluan dan implikasinya sebelum dibawa ke kabinet untuk diperbincangkan. Setelah kabinet bersetuju, Wisma Putra akan memberi `lampu hijau' kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk menyediakan kontinjen pasukan pengaman. Pada kebiasaannya Bahagian Operasi dan Latihan Markas ATM Markas, akan mengarahkan Cawangan Operasi dan Latihan Markas Tentera Darat memilih pasukan-pasukan yang sesuai untuk melakukan misi-misi tersebut. Ia akan melibatkan sama ada pasukan Infantri atau Mekanise dan pasukan bantuan tempur iaitu dari pasukan Armor, Artileri, Jurutera serta pasukan-pasukan bantuan logistik seperti, Kor Ordnans, Kor Perkhidmatan (kenderaan), Kor Perubatan, Kor Jurutera Letrik Berjentera (KJLJ), Kor Agama, Kor Polis Tentera dan sebagainya. Cawangan Operasi dan Latihan Tentera Darat akan mengarahkan Bahagian, Cawangan dan Jabatanarah di bawah naungannya untuk memilih pasukan-pasukan yang akan digerakan dalam misi tersebut. Pemilihan oleh Bahagian, Cawangan dan Jabatanarah Markas Tentera Darat pada kebiasaannya dari pasukan-pasukan yang terbaik dan berprestasi tinggi dalam kor masing-masing. Pada tahun 1960 iaitu semasa penugasan pertama pasukan pengaman Malaya, ia telah diuruskan oleh *Army Headquarters Malayan Federations*. Bagi menentukan perlaksanaan tugas pasukan pengaman Malaysia ini berjalan dengan lebih lancar dan berkesan, satu sistem rangkaian penugasan pasukan Pengaman Malaysia yang kedua telah diuruskan seperti berikut:

CARTA 1.

SISTEM RANGKAIAN PENUGASAN
PASUKAN PENGAMAN MALAYSIA



Selain dari menyahut panggilan antarabangsa dalam melaksanakan dasar luar negara, penglibatan pasukan pengaman Malaysia adalah merupakan penugasan misi-misi bantuan kemanusiaan dan mengikut landasan-landasan yang telah ditetapkan oleh PBB dalam melaksanakan mandat yang diberi. Secara langsung pelaksanaan tugas pasukan Pengaman Malaysia memberi implikasi-implikasi seperti berikut:

1. Ekonomi dan Perbelanjaan.
2. Pembangunan Angkatan Tentera Malaysia.
3. Hubungan Antarabangsa.
4. Sosial dan Politik.

Ekonomi dan Perbelanjaan Pasukan Pengaman Malaysia.

Peralatan ketenteraan yang akan dibawa ke kawasan operasi oleh kontinjen MALBAT, pada dasarnya mestilah mendapat persetujuan dan kelulusan pihak Sekretariat PBB, dan ia akan diletakkan di bawah tanggungjawab PBB yang disenaraikan sebagai *Contingent Owned Equipment (COE)*,²² Peralatan yang disenaraikan sebagai COE ini tertakluk kepada ganti rugi mengikut formula yang dipersetujui dalam perjanjian antara PBB dan Kerajaan Malaysia. Jumlah pembayaran sebenar berpandukan penilaian dilakukan semasa *marching in survey* (apabila mereka masuk) ke kawasan operasi dan *marching out survey* yang dilaksanakan apabila meninggalkan kawasan operasi. Kajian penilaian akan dibuat oleh wakil kontinjen yang dilantik bersama-sama wakil pihak PBB ke atas peralatan yang dibawa oleh kontinjen semasa memasuki dan meninggalkan kawasan operasi sebagai panduan asas dalam proses tuntutan penggantian kepada Kerajaan Malaysia.

Berpandukan kepada perjanjian yang dipersetujui, pihak PBB akan membuat pembayaran kepada Kerajaan Malaysia ke atas segala perbelanjaan yang digunakan

²². Temubual dengan Leftenan Kolonel Mohd Yazid Abdullah di Cawangan Logistik Tentera Darat, Markas Tentera Darat Malaysia pada 26 September 2003. Leftenen Kolonel Mohd Yazid merupakan Pegawai Staf Logistik Tentera Darat yang berpengalaman dalam menguruskan hal-hal logistik pasukan Pengaman Malaysia.

dalam menyediakan terup untuk berkhidmat di bawah panji-panji PBB. Kadar pembayaran PBB adalah seperti berikut:

1. **Pembayaran Untuk Pakaian/Peralatan Persendirian.** Sebagai contoh, peruntukkan dalam misi pengaman PBB Bosnia-Herzegovina sebanyak USD 65.00 sebulan untuk seorang bagi pakaian/peralatan persendirian dan ditambah USD 5.00 sebulan untuk seorang bagi kelengkapan senjata/peluru. Penggantian peralatan dan kelengkapan ini akan dilakukan di kawasan misi.²³

2. **Pembayaran Peralatan COE Yang Dibawa oleh Kontinjen Atas Dasar Permintaan PBB.** Pembayaran ini berdasarkan kadar susut nilai yang akan ditetapkan. PBB akan membayar balik semua perbelanjaan yang disediakan oleh Kerajaan Malaysia sepanjang misi tersebut. Dalam misi tersebut Kerajaan Malaysia akan membuat tuntutan balik perbelanjaan segala peralatan dan kelengkapan yang dibawa ke kawasan misi dengan menyatakan jumlah bilangan peralatan, jenis, tahun dikeluarkan, harga seunit dan maklumat-maklumat lain yang difikirkan perlu. Tuntutan tersebut mestilah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh PBB dan surat tuntutan tersebut mestilah ditandatangani oleh *Auditor General* atau pegawai yang setaraf dari Kerajaan Malaysia. Kadar pembayaran yang telah ditetapkan oleh PBB adalah seperti berikut:²⁴

1. Tahun Pertama - 30 %.

²³ . Pengalaman sendiri semasa berkhidmat di Bosnia-Herzegovina bersama-sama MALBAT I.
²⁴ . op. cit., 22, Temubual dengan Leftenan Kolonel Mohd Yazid Abdullah.

2. Tahun Kedua - 30 %.
3. Tahun Ketiga - 20 %.
4. Tahun Keempat - 20 %.

3. **Pembayaran Peralatan Pakai Habis.** Pembayaran 100 % akan diberi oleh PBB terhadap peralatan pakai habis yang digunakan dan peralatan yang dihapus kira sepanjang penugasan misi tersebut berpandukan kepada *out survey list*.

4. **Pembayaran Peralatan atau Perkhidmatan Melalui LOA.** Berdasarkan prosedur *Letter of Assist* (LOA), pihak PBB akan membuat pembayaran atas peralatan atau perkhidmatan yang disediakan oleh negara-negara terlibat. Kos-kos di atas kemudiannya akan dibayar balik oleh PBB. Penggantian oleh PBB termasuklah barangan dan peralatan yang disediakan oleh negara terlibat dan susut nilai peralatan berdasarkan panduan yang dipersetujui.²⁵

5. **Pembayaran Pembelian Kenderaan.** Tuntutan pembayaran bagi pembelian kenderaan yang digunakan untuk misi pengaman adalah berasaskan pada susut nilai yang dilaksanakan oleh wakil Markas Petugas misi PBB di kawasan misi yang akan dicatatkan dalam *out survey list*.²⁶

²⁵ Ibid.

²⁶ Ibid.

Mengikut statistik perbelanjaan yang dilakukan oleh Kerajaan Malaysia dan PBB dalam melaksanakan misi-misi pengaman adalah seperti berikut:²⁷

CARTA 2.

**STATISTIK PERBELANJAAN PASUKAN
PENGAMAN MALAYSIA**

Bil	Misi Pengaman	Perbelanjaan Kerajaan Malaysia (RM)	Jumlah yang dibayar balik oleh PBB (RM)
1.	CONGO	13,212,523.15	13,212,523.15
2.	NAMIBIA	20,522,712.76	20,522,712.76
3.	KAMPUCHEA	61,351,742.32	61,351,742.32
4.	SOMALIA	89,334,665.89	89,334,665.89
5.	BOSNIA-HERZEGOVINA		
	UNPROFOR	205,868,218.17	205,868,218.17
	NATO-IFOR	405,378,948.24	405,378,948.24
6.	TIMUR-LESTE	2,500,000.00	2,500,000.00
	<i>JUMLAH</i>	798,168,810.53	798,168,810.53

Sumber: Kementerian Pertahanan. Oktober 2003

²⁷ . Penyata perbelanjaan yang telah di perolehi dari Bahagian Operasi Markas ATM Pada 20 Oktober 2003 Jam 0230 petang hasil temubual dengan Mej (Udara) Hayazi bin Ghazali, Pegawai Staf II Bahagian Operasi Markas ATM, KEMENTAH.

Pembangunan Angkatan Tentera Malaysia.

Setiap negara yang terlibat dengan misi pengaman, mereka seharusnya memenuhi kehendak penugasan misi tersebut, mengikut kesesuaian dan keadaan muka bumi yang akan diharungi oleh pasukan pengaman sesebuah negara tersebut. Oleh itu, ATM secara langsungnya akan melibatkan pembangunan-pembangunan seperti berikut:

1. **Pembangunan Mental.** Pembangunan mental melibatkan tahap pencapaian akademik yang harus dimiliki oleh setiap individu warga angkatan tentera; ia juga memerlukan perubahan dari segi doktrin dan taktik yang harus ditambah atau diubah suai oleh Angkatan Tentera Malaysia, bukan sahaja untuk memenuhi keperluan tugas-tugas pengaman, tetapi juga untuk keperluan organisasi itu sendiri dalam mengimbangi keupayaan tentera-tentera negara asing atau menghadapi musuh atau puak-puak yang dilanda konflik di masa-masa hadapan. Keperluan ini perlu dititik beratkan kerana selama ini, tentera-tentera di negara ini hanya melakukan operasi di kawasan hutan khatulistiwa sahaja. Penugasan-penugasan yang telah dilalui oleh pasukan-pasukan pengaman Malaysia, bukan sahaja telah dilibatkan dikawasan kering gurun berpadang pasir, malah ia juga telah dilibatkan di kawasan sejuk di paras beku bawah 50 darjah celcius. Suasana yang tidak menentu di tengah-tengah puak bertelagah yang tidak mempunyai undang-undang dan peraturan, juga memerlukan perwira yang benar-benar berjiwa teguh dalam menghadapi kerenah tersebut.

Daripada segi pembangunan mental, perkara asas yang perlu dipelajari dan diajari oleh setiap pemimpin tentera yang ingin membawa anak buahnya kekancuh perdamaian konflik adalah budaya dan adat resam setempat serta asas kepakaran penugasan masing-masing. Jika mereka cetek dalam pengetahuan tersebut, bermakna mereka akan bakal mengundang berbagai-bagai masalah dan bencana yang sentiasa menanti mereka. Bagi mereka yang mempunyai pengetahuan tersebut, ia akan memudahkan lagi penugasan mereka dan mereka akan senang diterima oleh puak-puak yang bertelagah berbanding dengan pasukan-pasukan pengaman yang lain yang tidak menitik beratkan perkara tersebut. Pembangunan mental individu Angkatan Tentera Malaysia, hendaklah sejajar dengan perkembangan teknologi dan kelengkapan moden yang dibekalkan kepada mereka mengikut peredaran zaman.

2. **Pembangunan Penstrukturan.** Persoalan bilangan anggota yang terlibat di sesuatu misi sering sahaja menjadi pertikaian dan perbincangan di antara pihak tentera dan Bahagian Dasar Kementerian Pertahanan (Awam). Penambahan atau pengurangan anggota di dalam satu batalion infantri, juga turut berubah struktur pemerintahannya. Contohnya, setiap satu kompeni batalion infantri terdiri dari lima pegawai dan 125 Lain-Lain Pangkat, yang dipecahkan kepada tiga platun tempur. Jika pihak Bahagian Dasar meluluskan 90 orang anggota sahaja bagi setiap satu kompeni, maka susunan keanggotaan perlu di rombak bagi menentukan agar ia boleh diuruskan atau ditadbir dengan cara lebih efektif dan teratur di kawasan misi.

Penugasan pasukan pengaman juga memerlukan mobiliti dan perlindungan yang kebal dari tembakan senjata kecil. Oleh itu, Angkatan Tentera Malaysia telah membesarkan batalion mekanise dari satu batalion pada tahun 1980 menjadi empat batalion mekanise pada ketika ini. Ini disebabkan, kawasan-kawasan tanggungjawab yang harus dikawal oleh setiap kontinjen pengaman tidak kurang dari 40 km sehingga 120 km. Sebelum ini, Angkatan Tentera Malaysia telah meletakkan tanggungjawab ini kepada pasukan kalvari/armor Tentera Darat sahaja. Oleh kerana fungsi pasukan kalvari/armor berlainan dan kurang sesuai untuk melaksanakan tugas sebagai sebuah pasukan infantri dalam mengendalikan tugas pengaman dengan lebih efektif, maka ia merupakan langkah yang baik dan tepat oleh Angkatan Tentera Darat Malaysia dalam memperbesarkan lagi pasukan mekanise mereka dewasa ini.

3. **Pembangunan Teknologi.** Perkembangan teknologi berlaku begitu pesat. Pembangunan teknologi ini bukan sahaja amat perlu kepada Angkatan Tentera Malaysia, malah ia melibatkan seluruh angkatan tentera di dunia ini. Keupayaan yang ada di sesebuah negara itu menentukan sama ada ia boleh menjadi kuasa pengimbang atau sebagai *deterrence* kepada negara yang lain. Peralatan ketenteraan teknologi tinggi diperlukan bagi memudahkan pelaksanaan tugas pengaman berjalan dengan lebih licin dan lancar. Kelengkapan yang dimaksudkan bukan sahaja terhad kepada sistem persenjataan. Malah ia melibatkan segala jenis peralatan dan kelengkapan yang diperuntukkan kepada ATM.

4. **Keanggotaan.** Dalam melengkapkan keanggotaan pasukan pengaman bukanlah suatu perkara yang mudah bagi setiap kontinjen MALBAT. Walaupun pada dasarnya seseorang anggota tentera itu sihat tubuh badan dan sentiasa bersedia untuk berkhidmat walau di mana sahaja, namun terdapat beberapa perkara yang membataskan penugasan mereka untuk berkhidmat di bawah Panji-Panji Bangsa-Bangsa Bersatu. Di antara beberapa masalah yang sering dihadapi oleh pasukan Pengaman Malaysia dalam menyediakan keanggotaan tersebut adalah berikut:

4.1. **Kerelaan Individu Untuk Berkhidmat.** Di atas dasar-dasar kebajikan dan mengelakkan anggota dari menimbulkan masalah di kawasan misi, setiap individu ditawarkan terlebih dahulu untuk berkhidmat di misi tersebut. Ini kerana sekiranya terjadi sesuatu hal yang melibatkan anggota berkenaan, mereka amat sukar dikeluarkan dari kawasan misi. Oleh itu setiap individu yang ditugaskan nanti, mestilah tiada mempunyai masalah peribadi dan masalah yang mengganggu gugat pelaksanaan tugas di kawasan misi itu nanti. Sebagaimana yang dilaksanakan oleh ATM dewasa ini, pemilihan tersebut dibuat oleh setiap ketua kumpulan yang dilantik. Selain dari anggota tetap yang dipilih, setiap ketua kumpulan juga dikehendaki menyediakan 10 % anggota simpanan sebagai persediaan perubahan di saat-saat akhir.

Terdapat individu-individu menyembunyikan masalah mereka dan apabila sampai di kawasan misi, masalah tersebut baru terbongkar. Contohnya, anak atau isterinya mengidap penyakit kronik, jadi bagi mengelakkan dari pelaksanaan

tugas terganggu, maka individu tersebut akan dihantar pulang. Maka dengan ini berlakulah satu kekosongan perjawatan di kawasan misi, yang perlu diganti segera. Begitu juga terdapat sebilangan anggota yang tidak membuat persiapan secukupnya untuk anak isteri yang akan ditinggalkan. Ini akan menyulitkan ketua kontinjen di kawasan misi dan ketua kumpulan yang ditinggalkan bagi menyelesaikan masalah mereka.

4.2. **Masalah Kesihatan.** Kesihatan merupakan perkara penting dalam menentukan seseorang individu itu boleh ditugaskan ke misi PBB. Setiap anggota yang akan menjalani penugasan tersebut dikehendaki terlebih dahulu menjalani pemeriksaan kesihatan terperinci dan mengikut prosedur-prosedur yang telah ditetapkan oleh negara-negara yang dilalui dan negara yang terlibat dalam kawasan misi. Walaupun mereka telah dipilih pada awalnya, namun sekiranya kesihatan mereka tidak mengizinkan, maka senarai nama mereka akan dipotong untuk menyertai pasukan pengaman. Mereka ini akan diganti dengan anggota simpanan. Namun sekiranya bilangan anggota terlalu ramai yang menghadapi masalah kesihatan, maka ini akan menjejaskan keanggotaan untuk menyertai pasukan pengaman. Begitu juga, sekiranya anggota yang dapat menyembunyikan masalah kesihatan mereka di tanahair, namun masalah tersebut akan muncul di kawasan misi, contohnya penyakit '*asthma*'. Penyakit ini tidak akan dapat disembunyikan apabila mengalami cuaca sejuk. Masalah ini akan menjejaskan pelaksanaan tugas misi pengaman. Masalah yang paling sukar dikawal adalah penyakit kelamin dan penyakit merbahaya yang sedia ada di kawasan misi.

Hubungan Antarabangsa Malaysia.

Disamping memenuhi tanggungjawab dan seruan dari sebahagian masyarakat antarabangsa, penglibatan Malaysia dalam tugas pasukan pengaman adalah bertujuan untuk mengeratkan hubungan antarabangsa dengan negara-negara luar yang merupakan sebahagian dasar luar negara. Penglibatan yang aktif dalam dasar luar negara, khususnya dalam misi pengaman, mencerminkan bahawa Malaysia ingin berbaik-baik dengan semua negara di dunia ini.

Hubungan antarabangsa juga bertujuan mencari pasaran luar bagi bahan-bahan eksport utama negara seperti bijih timah, kelapa sawit, getah dan bahan-bahan pembuatan kilang. Malaysia tidak pernah menolak pelawaan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menghantar kontinjen pasukan pengaman ke negara yang dilanda konflik, kecuali apabila difikirkan bahawa penugasan pasukan pengaman tersebut di kuasai oleh kuasa besar lain yang bertopengkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, contohnya penugasan pasukan pengaman di Iraq (selepas Perang Teluk Kedua). Semasa Tun Dr. Mahathir memegang tampuk pemerintahannya, beliau tidak henti-henti memperjuangkan hak saksama manusia. Pada awal pemerintahannya, beliau pernah berucap di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang ke-43 pada 4 Oktober 1988 yang telah diterjemahkan berbunyi demikian:²⁸

²⁸ . Chamil Wariya, Dasar Luar Era Mahathir, Fajar Bakti Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 1989, hlm. 104.

...tanpa satu dasar yang saksama oleh kuasa-kuasa besar, PBB tidak mungkin dapat bertindak. Sempadan Israel pasti akan bertambah luas, menduduki bumi Arab sesuka hatinya dan sebarang tindakan yang dilakukan oleh Israel, biar betapa kejamnya akan dianggap sebagai melindungi keselamatan negaranya. Rakyat Palestin pula sebaliknya tidak akan dapat bertindak seperti Israel kerana sumber kekuatan mereka yang terhad. Dalam pada itu, mereka terpaksa berhadapan dengan media yang dikuasai oleh Zionis dan tentunya memusuhi mereka. Dalam proses ini rakyat Palestin sentiasa dikutuk oleh dunia yang tidak menghiraukan hakikat bahawa Israel sendiri adalah hasil daripada keganasan, bahawa serangan dan gangguannya terhadap orang-orang Arab di wilayahnya adalah dasar yang berasaskan kekejaman...

Semasa Mesyuarat Sidang Kemuncak Ketua Negara-Negara Islam Yang Kesepuluh di Kuala Lumpur pada tahun 2003, Tun Dr. Mahathir sebelum menutup tugasnya sebagai Perdana Menteri Malaysia sekali lagi menyuarakan tentang penindasan yang dilakukan oleh Israel ke atas negara-negara Arab, yang menjadi isu hangat pada masa tersebut sehingga ke saat ini yang berbunyi "...Yahudi memerintah dunia dengan menggunakan proksi. Mereka menggunakan orang lain untuk berperang dan mengorbankan nyawa bagi pihak mereka..."²⁹

Bagi anggota-anggota yang terlibat dengan penugasan PBB tersebut, mereka juga merupakan duta-duta kecil, yang bertindak dalam mengeratkan hubungan silaturrahim rakyat dan negara yang di landa konflik dan hubungan dengan pasukan-pasukan pengaman yang lain. Proses ini telah berjalan dengan baik sekali sejak penglibatan negara dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

²⁹. Mahathir Mohamed, "Ucapan Perasmian berdasarkan fakta Sejarah. PM", Berita Harian, Kuala Lumpur, 18 Oktober 2003, hlm. 1.

Sosial Dan Politik.

Penglibatan pasukan pengaman Malaysia di arena antarabangsa, sama ada di bawah PBB Bersatu ataupun NATO adalah merupakan satu dasar luar negara dalam menentukan keselamatan serantau selain agenda kerajaan dalam mempromosikan Malaysia di seluruh dunia. Malaysia berpendapat bahawa penyelesaian masalah konflik di sesebuah negara bergantung kepada demokrasi dan diplomasi. Negara yang mengamalkan dasar demokrasi akan dapat menentukan kestabilan dari segi ekonomi dan politik yang berterusan. Kedaulatan sesebuah negara harus disokong dan dihormati oleh negara-negara luar dalam menentukan kestabilan serantau. Begitu juga negara yang dilanda konflik seharusnya dihentikan konflik tersebut dengan cara diplomasi. Buat pada masa ini, Malaysia dan negara-negara ahli berpendapat, bahawa PBB adalah satu badan yang boleh menguruskan dan mengawal keadaan tersebut dengan baiknya, walaupun terdapat banyak rungutan dan keluhan dari ahli-ahlinya terhadap prestasi PBB sejak kebelakangan ini. Jika sesebuah negara tersebut tidak stabil, ia juga akan melibatkan negara-negara lain yang berhampiran dan sudah semestinya keselamatan serantau akan terganggu. Ini pernah di suarakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak dalam ucapannya di *Malaysian International Affair Forum* yang berkata "...A stable state in an unstable region, will invariably lead to instability. Therefore, in

our notion of comprehensive security, it has application to domestic as well regional and global arenas...”.³⁰

Oleh itu dalam menentukan kestabilan ini, Malaysia telah mengambil pendekatan, iaitu dalam konteks domestik dan dimensi antarabangsa. Dalam konteks domestik, kestabilan politik adalah agenda pertama kerajaan bagi menentukan kestabilan negara. Kerajaan yang di bawah pemerintahan parti Barisan Nasional (sebelum ini Parti Perikatan) telah berjaya menerajui kerajaan sejak negara mencapai kemerdekaan. Banyak masalah dalaman yang ditinggalkan oleh pihak penjajah telah dapat diselesaikan oleh kerajaan yang di bawah Parti Barisan Nasional, contohnya dari segi ancaman Parti Komunis Malaya yang telah dapat dilumpuhkan pada tahun 1989, masalah jurang perbezaan ekonomi antara kaum, sistem pembelajaran, peningkatan ekonomi dan lain-lain lagi.

Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dilancarkan oleh kerajaan pada tahun 1960, telah dapat merapatkan jurang perbezaan ekonomi antara kaum di Malaysia ini, yang membolehkan mereka hidup aman dan damai. Malah dasar ini telah diguna pakai oleh beberapa negara di ASEAN dan di negara-negara Dunia Ketiga. Penubuhan institusi pelajaran tinggi awam dan swasta serta kolej-kolej pengajian tinggi telah dapat meningkatkan tahap intelektual dan akademik rakyatnya dan ia telah menjadi contoh dan pujian di UNESCO terhadap sistem pembelajarannya. Oleh kerana pencapaian yang cemerlang oleh kerajaan Barisan Nasional terhadap pembangunan manusia dan ekonominya maka parti-parti pembangkang negara ini, telah tidak berupaya untuk

³⁰ . Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Malaysia's Strategic Perceptions – Challenges of the Post-Cold War Era, Malaysian International Affairs Forum, University Malaya, Kuala Lumpur, 1993, hlm.13.

menumbangkan kerajaan pemerintah. Ini membuatkan politiknya semakin stabil dan kerajaan pemerintah telah dapat melaksanakan dasar-dasar yang dirancangnya dengan baik dan cemerlang.

Dari segi dimensi antarabangsa, Kerajaan Malaysia telah mengambil langkah diplomasi sebagai pertahanan hadapan. Dimana ia telah menubuhkan kedutaan dan wakil konsol-konsolnya di merata dunia ini. Duta-duta dan konsol yang dilantik bukan sahaja bertugas untuk mempromosikan negara, malah mereka merupakan orang perantaraan untuk berbincang segala masalah dan kerumitan yang dihadapi di antara kedua negara. Hubungan ini bukan sahaja melibatkan negara-negara terpilih malah, Malaysia merupakan negara pertama ASEAN yang membuat hubungan diplomatik dengan negara China. Keaktifan Malaysia melibatkan diri dalam hal-hal antarabangsa telah meletakkan nama negara begitu harum di seluruh dunia. Akibat dari ini, ia memudahkan pasukan pengaman Malaysia untuk ditugaskan dimana sahaja negara yang dilanda konflik. Dari pengalaman sendiri yang bertugas di Bosnia-Herzegovina, hanya negara Malaysia dan Turki sahaja yang dibenarkan untuk melaksanakan operasi pengaman di bumi tersebut. Walaupun terdapat negara-negara Islam yang ditugaskan di negara tersebut, namun kontinjen-kontinjen pasukan pengaman negara-negara tersebut telah dipecahkan dan di letakkan di bawah pemerintahan dan kawalan kontinjen negara-negara dari Eropah.

Penglibatan yang aktif oleh pasukan pengaman Malaysia di arena antarabangsa juga telah membuatkan rakyat Malaysia di pilih untuk menerajui kepimpinan pasukan pengaman di Somalia dan Timor Leste. Selain dari itu, negara ini juga sering sahaja

dipilih untuk mengurus persidangan antarabangsa di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Pertubuhan Persidangan Islam Sedunia (OIC). Hasil dari dasar yang cemerlang yang dilaksanakan oleh kerajaan di dalam dan luar negara telah membuatkan negara ini semakin stabil dari segi politik dalaman dan luaran. Nikmat kecemerlangan ini bukan sahaja dapat dikecapi oleh rakyat Malaysia, malah ia juga telah dapat dirasakan oleh rakyat-rakyat dari negara jiran dan negara asing yang lain dengan penghijrahan mereka ke negara ini.

Kesimpulan.

Kewujudan pasukan pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, telah memberi kesan kepada pengekalan keamanan dan pembendungan konflik di dunia ini. Walaupun pelbagai masalah yang timbul, sama ada dari pihak birokrasi dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, negara-negara ahli atau negara yang terlibat dengan konflik, namun kehadiran pasukan pengaman pertubuhan sentiasa dinanti-nantikan dan menjadi harapan masyarakat dunia dalam melaksanakan mandat dan amanat bagi mengembalikan keamanan. Walaupun garis panduan telah diberi kepada pasukan pengaman yang ditugaskan di medan konflik, namun ianya bukanlah satu perkara senang untuk dilaksanakan oleh pasukan pengaman itu sendiri dan diterima mudah oleh negara-negara penyumbang pasukan pengaman termasuk oleh puak yang bertelagah. Ia sentiasa sahaja menjadi perbualan hangat dalam mengakuri segala kehendak kearah kedamaian. Contohnya Dag Hammarskjold pernah menyatakan tentang garis panduan prinsip-prinsip bagi melaksanakan tugas pengaman agar mereka sentiasa dipandang tinggi dan dapat

melaksanakan tugas dengan licin dan berkesan. Di antara prinsip-prinsip yang diketengangkannya yang diterjemahkan seperti berikut:³¹

1. Puak yang terlibat dengan pertelagahan hendaklah menyokong dan memberi kerjasama kepada pasukan yang ditugaskan di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.
2. Tujuan utama adalah untuk mengelak dari timbulnya keganasan baru dan menyediakan rangka bagi berusaha untuk mencapai kaedah secara aman dalam menyelesaikan konflik.
3. Pasukan pengaman digunakan untuk berunding dan mendesak dahulu kearah perdamaian daripada terus menggunakan kekerasan.
4. Pasukan pengaman adalah di bawah perintah, pemerintah yang dilantik oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan ia tidak dibenarkan untuk menerima arahan dan perintah dari mana-mana badan, walaupun arahan dari negara yang menyediakan pasukan pengaman (negaranya sendiri).
5. Semua negara ahli seharusnya bertanggungjawab untuk membiayai pasukan-pasukan pengaman yang ditugaskan di kawasan medan.

³¹. Ucapan oleh Egil Aarvik, "Impartial Soldier Peacekeeping", [Internet, nobelprize.org/peace/laureates/1988/presentation-speech.html-29k](http://Internet.nobelprize.org/peace/laureates/1988/presentation-speech.html-29k), The Nobel Peace Prize 1988, 7 April 2004.

Kejayaan dan kegagalan penugasan pasukan pengaman bergantung kepada situasi dan jenis konflik yang mereka hadapi. Jika puak yang terlibat dalam pertelagahan itu enggan menerima kedatangan pasukan pengaman, maka nescaya pasukan pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tidak akan dilibatkan di kawasan tersebut dan ini akan mengwujudkan kemusnahan, kematian dan mangsa-mangsa keganasan. Berikut dinyatakan jumlah kematian yang dianggarkan akibat konflik/perang di kawasan tersebut.³²

CARTA 3.

ANGGARAN JUMLAH KEMATIAN AKIBAT KONFLIK/PERANG

BIL	NEGARA	ANGGARAN KEMATIAN
1.	Congo	Lebih 1,000
2.	Kampuchea	1 juta – 2 juta
3.	Somalia	350,000
4.	Bosnia-Herzegovina	60,000 – 200,000

Sumber: Brown University, Paris, Peranchis, 1996.

Dalam mematuhi tuntutan sosial antarabangsa, Malaysia juga tidak ketinggalan dalam menyumbang bakti kepada masyarakat antarabangsa dalam menyediakan kontinjen pasukan pengamannya. Di samping itu juga, Malaysia berusaha dalam mengeratkan perhubungan antarabangsa dengan negara-negara yang dilanda konflik/peperangan di mana pasukan Pengaman Malaysia ditugaskan dan negara-negara

³² . L. Minear dan P. Guillot, "Soldiers to the Rescue, Humanitarian Lessons From Rwanda", *International Studies*, Brown University, Paris, France, 1996, hlm.20.

yang melibatkan diri dalam pasukan pengaman di kawasan misi. Penglibatan ini juga tidak secara langsung telah mencernakan ekonomi negara dan pembangunan ATM. Namun sepanjang penugasan Pasukan Pengaman Malaysia, pasukan tersebut tidak terlepas dalam menghadapi berbagai-bagai rintangan dan prosedur-prosedur yang perlu dipatuhi oleh setiap kontinjen yang terlibat dalam tugas pengaman samada dari puak-puak yang bertelagah, mahu pun dari PBB.

Di antara prosedur dan batasan yang pernah dihadapi oleh kontinjen pasukan Pengaman Malaysia adalah peruntukan kewangan, lokasi tugas pengaman, iklim dan kelengkapan yang disediakan. Kesimpulannya, batasan ini menentukan struktur kekuatan pasukan pengaman yang ditugaskan di kawasan medan. ATM terpaksa merombak kekuatan yang sedia ada kepada pasukan yang lebih kecil mengikut peruntukkan kewangan yang sedia ada dan kesesuaian pasukan mengikut situasi iklim/cuaca yang akan ditempuhi. Maka pada tahun 1990, ia telah menampakkan bahawa ATM telah disusun semula dan dipermodenkan menjadi sebuah angkatan pejuang konvensional yang dilengkapi untuk menghadapi cabaran-cabaran abad ke-21.

Sejak kebelakangan ini, penugasan pasukan pengaman PBB menjadi hangat diperbincangkan di Majlis Keselamatan PBB. Sebaik sahaja tamatnya Perang Dingin, kuasa `unipolar' Amerika Syarikat semakin membayangi sebarang keputusan yang dibuat oleh Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu. Beberapa insiden menampakkan bahawa Amerika Syarikat telah mendahului keputusan yang di buat oleh Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu seperti dalam Perang Teluk (1990) dan

Serangan yang di buat ke atas Afghanistan (2001) serta yang terakhir sekali ialah dalam serangan atas Iraq (2003). Walaupun terdapat banyak rungutan dan bantahan dari masyarakat dunia, namun keegoan Amerika Syarikat kian terserlah dalam mempengaruhi badan dunia itu. Apa yang ketara diwaktu ini, Amerika Syarikat menggunakan alasan serangan pengganas ke atas Pusat Dagangan Dunia New York pada 11 September 2001 bagi menghalalkan tindak lakunya ke atas beberapa negara yang tidak secocok dengannya. Isu ini telah diwawarkan di merata dunia melalui media massa bagi meraih simpati rakyat di negaranya dan masyarakat dunia amnya atas komitmen menghapuskan keganasan. Tugas 'Pengaman' yang ditaja oleh Amerika Syarikat dalam menghapuskan keganasan membawa lebih banyak keganasan dan juga menyebabkan kerugian besar kepada industri pelancungan, syarikat penerbangan, pelaburan serta ekonomi yang terus merundum.³³

Majlis Keselamatan pula, belum dapat mendefinisikan keganasan dalam menghantar pasukan pengaman atau pasukan tentera Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menghapuskan keganasan. Walaupun tujuan asal penubuhan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu adalah untuk mengwujudkan keamanan di dunia, namun beberapa negara di dunia ini masih lagi dilanda konflik dan huru hara serta terus bergolak walaupun terdapat pasukan pengaman di kawasan tersebut. Kadang kala penglibatan pasukan pengaman ke kawasan konflik mengambil masa yang lama untuk digerakkan walaupun telah mendapat 'lampu hijau' dari puak-puak yang bertelagah. Kelambatan ini mengakibatkan kemusnahan dan kematian.

³³ . Mahathir Mohamed, "Langkah Elak Keganasan Membawa Padah", Berita Harian, Kuala Lumpur, 12 November 2003, hlm. 1.

Jika Pertubuhan ini masih terus di bayangi kuasa-kuasa besar maka fungsi asal PBB akan mengalami kegagalan dan di suatu hari nanti pertubuhan ini akan mengalami nasib yang serupa seperti Liga Bangsa-Bangsa. Oleh itu negara-negara ahli seharusnya berusaha bagi mengurangkan penguasaan kuasa-kuasa besar dalam pertubuhan ini dan jika perlu keanggotaan Majlis Keselamatan dan hak kuasa *Veto* perlu dikaji semula sejajar dengan perkembangan dan situasi semasa dunia. Dunia yang unipolar membuatkan suasana serantau semakin hangat berbanding dunia dalam keadaan bipolar semasa Perang Dingin. Dunia bukan sahaja menjadi tanpa sempadan, malah musuh yang dihadapi oleh sesebuah negara tersebut juga tidak mempunyai medan pertempuran yang sebenar. Oleh itu masyarakat dunia perlu mengkaji pengstruktur semula Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ini bagi menentukan agar dunia ini benar-benar aman dan ditadbir oleh semua ahli yang mempunyai hak mengundi di pertubuhan tersebut. Tun Dr. Mahathir Mohamed semasa beliau menjadi Perdana Menteri Malaysia pernah berkata, bahawa Malaysia tetap berpendirian bahawa keamanan dunia adalah tanggungjawab bersama masyarakat antarabangsa, tanpa mengira warna kulit, bangsa dan agama. Malaysia akan terus menyokong prinsip-prinsip yang terkandung dalam Piagam PBB dan akan terus menyokong usaha-usaha antarabangsa untuk mencapai keamanan dan keselamatan sejagat.³⁴

³⁴ . Leow Foo Chang, Malaysia Dalam Misi Pengaman, Kementerian Luar Negara, Wisma Putra, Kuala Lumpur, 1996, hlm.4.